

12/05/2004

Sejarah buktikan perebutan jawatan cetus perpecahan

By Kadir Dikoh

SEMALAM, Umno menyambut ulang tahun ke-58, seusia dengan kebanyakan pemimpin kanan parti yang menjadi tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN) dulu dan sekarang.

Sambutan diadakan dalam keadaan penuh kesyukuran tanpa sambutan besar-besaran seperti pernah diadakan sebelum ini. Sebaliknya, majlis tahlil diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sepanjang usia itu, Umno dipimpin lima tokoh dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan disahkan ke jawatan Presiden Umno pada Perhimpunan Agung kali ini, yang tarikhnya belum ditetapkan.

Dengan itu Pak Lah bakal menjadi Presiden Umno ke-6 selepas Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dalam sejarah sebelum dan selepas kemerdekaan, orang Melayu bersatu di bawah bendera Umno apabila mereka sekata menentang Malayan Union pada 1946, kemudian bersatu berjuang menuntut kemerdekaan pada 1957 dan juga bersatu apabila maruah bangsa tercabar pada 13 Mei 1969.

Penyatuan itu terhasil dengan terbentuknya gagasan BN pada 1974 di bawah teraju Perdana Menteri kedua, Abdul Razak, menggantikan Perikatan yang diilhamkan Tunku Abdul Rahman dengan keanggotaan parti politik lebih meluas. Pas pun ikut sama.

Umno yang diasaskan oleh Datuk Onn, ditubuhkan pada 11 Mei 1946 bagi membantah penubuhan Malayan Union oleh British. Datuk Onn yang dilantik presiden pengasas Umno bagaimanapun meninggalkan parti itu pada Ogos 1951 apabila cadangannya membuka keahlian Umno kepada bukan Melayu ditolak.

Pada saat-saat akhir hidupnya, pada malam rakyat menyambut hari pembebasan, ketika laungan 'merdeka' bergema pada 31 Ogos 1957, Datuk Onn berada di rumah di Johor, terpinggir dan dilupakan.

Namun, segala-galanya sudah menjadi sejarah dan orang Melayu tidak akan lupa jasa Datuk Onn yang mencetuskan semangat perpaduan Melayu, menyatukan Melayu yang terasing, yang terpisah oleh sempadan daerah, taraf dan kedudukan, asal keturunan, budaya dan adat resam.

Proses pembaharuan, peralihan, patah tumbuh hilang berganti sentiasa berlaku dalam parti. Umno mengurus perubahan dalam kepemimpinan secara teratur, bijaksana dan bermaruah. Inilah amanah dan tanggungjawab setiap ahli kepada parti dan negara.

Bagaimanapun, Melayu kembali berpecah apabila Pas keluar daripada BN pada 1978 dan perpecahan itu berterusan sehingga kini. Pada 1990, Kelantan kembali semula ke tangan Pas.

Pas terus mengambil kesempatan perpecahan dalam Umno pada 1998 berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga berjaya menghakiskan sokongan orang Melayu kepada Umno pada Pilihan Raya Umum 1999.

Parti pembangkang itu bukan saja berjaya mengekalkan penguasaan di Kelantan, malah merampas Terengganu daripada BN atau tepat lagi Umno ketika itu.

Perpecahan dalam Umno mula ketara apabila jawatan tertinggi dalam parti dicabar pada 1987 sehingga Umno diharamkan. Dr Mahathir dicabar hebat oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang kemudian menubuhkan Parti Semangat 46, tetapi akhirnya parti itu terkubur dengan semua ahlinya kembali ke pangkuan Umno.

Itu bukan kali pertama Presiden Umno dicabar. Kecuali Abdul Razak, semua Presiden Umno lain dicabar. Tunku Abdul Rahman pernah dicabar oleh ahli politik dari Pulau Pinang, C M Yusof. Tetapi beliau tidak berdendam,

sebaliknya menyokong pelantikan Yusof sebagai Speaker Dewan Rakyat.

Selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969, Tunku Abdul Rahman dicabar secara terbuka oleh Dr Mahathir dan perbezaan pendapat antara kedua-duanya berterusan sebelum pulih semula, tetapi akhirnya Dr Mahathir mencadangkan Tunku sebagai 'elder statesman'.

Hussein pernah dicabar oleh seorang lagi pemimpin politik dari Pulau Pinang, Suleiman Palestin.

Pada dua dekad lalu juga, cabaran untuk jawatan Timbalan Presiden Umno juga menarik perhatian. Pertembungan di antara Tan Sri Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh bagi jawatan nombor dua dalam parti berlaku sebanyak dua kali pada 1981 dan 1984.

Tun Ghafar Baba berhadapan dengan Musa pada 1987 dan Anwar pula menentang Ghafar pada 1996. Kerana tekanan hebat, Ghafar terpaksa menarik diri bagi memberi laluan kepada Anwar.

Jawatan Presiden Umno tidak lagi dicabar selepas 1987 dan begitu juga jawatan Timbalan Presiden selepas 1996.

Ketika Umno menyambut ulang tahun ke-58, ahli parti harus merenung sejenak sejarah lalu - apakah punca perpecahan dalam parti dan jangan asyik mengejar jawatan tanpa memikirkan risikonya.

Sejarah membuktikan perpecahan berlaku apabila membabitkan pertandingan sengit untuk jawatan tertinggi dalam parti.

Tahun ini, Umno mengadakan Perhimpunan Agung yang dijangka menyaksikan pemilihan pada tiga peringkat iaitu cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT) - serentak dalam tahun yang sama buat kali pertama berikutan pindaan perlembagaan pada 2000.

Pak Lah akan disahkan ke jawatan Presiden Umno dan kekosongan jawatan Timbalan Presiden dijangka diisi timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

Najib yang kini Naib Presiden Umno dan menjalankan tugas Timbalan Presiden sudah berjanji tidak akan mencabar atau menggugat kedudukan Pak Lah sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Malah, saya akan menjadi penyokong kuat untuk memastikan kedudukan Pak Lah sebagai Perdana Menteri dan presiden parti terjamin sepenuhnya. Sejak awal-awal lagi, apabila dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya membuat pengakuan akan setia kepada Pak Lah dan tidak timbul soal untuk bertanding jawatan Presiden pada Perhimpunan Agung Umno akan datang," katanya selepas majlis kesyukuran Parlimen Pekan di Kuantan April lalu.

Walaupun dua jawatan tertinggi itu pernah dicabar sebelum ini, memang menjadi amalan Umno jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan atau dicabar pada pemilihan parti kerana ia satu kaedah terbaik untuk mengelak perpecahan.

Kini sokongan orang Melayu terhadap Umno kembali kukuh.

BN dan Umno pimpinan Pak Lah menang besar pada pilihan raya umum baru-baru ini yang menyaksikan Terengganu berjaya dirampas semula dan hampir menenggelamkan penguasaan Pas di Kelantan.

Faktor ini mendorong kepada kelicinan peralihan kuasa dalam parti - bagi menemui titik kedamaian, sejajar dengan puisi Pak Lah bertajuk Ku Cari Damai Abadi.

Malah dua lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, sudah beberapa kali mengulangi pendirian tidak akan mencabar Najib bagi jawatan Timbalan Presiden, seperti dijanjikan pada Perhimpunan Agung Umno pada Jun 2003.

Jika tidak ada aral melintang, bab jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno boleh dianggap selesai untuk diduduki secara aman oleh Pak Lah dan Najib.

Bagaimana pula dengan tiga jawatan Naib Presiden? Inilah menjadi tumpuan pada pemilihan kali ini.

Muhammad yang sebelum ini diura-urakan tidak mempertahankan jawatannya

kerana kemungkinan dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno yang baru, dikatakan mahu mempertahankan jawatan itu.

Kalangan penyokongnya berkata, beliau lebih suka memegang jawatan Naib Presiden daripada Setiausaha Agung, kerana sebagai 'pejuang' yang kuat bekerja, beliau perlu bergerak ke merata tempat - satu tugas yang disukainya, bukan tugas pentadbiran semata-mata.

Apabila MT Umno pada mesyuaratnya akan datang menetapkan tarikh perhimpunan agung itu, maka akan terdengar ramai lagi menawarkan diri untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

Kenyataan biasa berbunyi, "saya sedia menawarkan diri jika dicalonkan" memang kerap didengar dari dulu lagi. Maksudnya ialah "saya nak jawatan itu, calonlah saya". Namun, bukan salah mereka menyatakan demikian kerana orang Melayu tidak suka sikap yang berbunyi riak tapi biar berlapik dan berbahasa halus.

Hari ini, Umno berada dalam keadaan amat kukuh dengan bilangan ahlinya seramai 2.81 juta dan bahagian sudah meningkat kepada 191 manakala cawangan pula sebanyak 19,000.

Umno juga sudah melebarkan sayapnya ke Sabah pada 1991 dan penubuhan sayap baru, Puteri Umno pada Ogos 2001 yang kini bilangan ahlinya meningkat kepada 170,738 berbanding 80,000 ketika mula ditubuhkan.

(END)